

03 SEP 2000

Mahathir-Islam

DUA PERTUBUHAN ISLAM BIDAS KEPUTUSAN ISNA

Oleh: Mohamed Kamel Othman

CHICAGO, 3 Sept (Bernama) -- Dua pertubuhan Islam di Amerika Syarikat menyuarkan rasa tidak bersetuju dan tidak berpuas hati terhadap keputusan Islamic Society of North America (ISNA) menarik balik undangan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berucap pada konvensyennya di Rosemont, Illinois.

"Saya berpendapat ini tidak boleh diterima, tidak profesional dan tindakan yang memalukan," kata Presiden Expodio Mahmoud Thahab, di sini pada Sabtu.

Beliau berkata adalah tersilap bagi ISNA untuk menarik balik undangan pada saat-sat terakhir terutama kepada pemimpin seperti Dr Mahathir.

"Kami tidak akan melakukan perkara seperti itu kerana ia tidak baik. Dr Mahathir ialah pemimpin besar," kata Thahab selepas mengunjungi Dr Mahathir yang tiba di sini pada Jumaat untuk lawatan kerja tiga hari ke Chicago.

Menurut laporan berita asing, ISNA menarik balik undangannya kerana "berpuluh-puluh anggotanya tidak berpuas hati dengan layanan Dr Mahathir terhadap bekas timbalan perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sekarang menjalani hukuman penjara.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata di London bulan lepas bahawa beliau tidak berasa "tersinggung" dengan keputusan ISNA sambil berkata "itu hak mereka untuk menarik balik undangan."

"Tetapi saya berasa sedih... mereka cuma dengar daripada satu pihak. Memang hak mereka untuk mengundang dan mereka telah bertahun-tahun mengundang saya... sekarang mereka mahu menarik balik undangan," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, pengarah American Muslim Council (AMC), Aly R.Abuzaakouk berkata beliau juga berasa "kurang senang" dengan keputusan ISNA.

"Kami bukan ISNA dan kami tidak mewakili ISNA. Kami adalah sebuah pertubuhan politik di negara ini yang bekerjasama dengan pemimpin politik dari dunia Islam," kata beliau.

Abuzaakouk juga mengunjungi Perdana Menteri bersama dua orang lagi pemimpin AMC. Mereka ialah presiden AMC Dr Yahya Mossa Basha dan bendahari AMC Dr Mohamad Aslam Cheena.

"Kehadiran kami di sini (menemui Dr Mahathir) sudah cukup untuk menjelaskan pendirian kami. Kami menyambut baik kehadiran Dr Mahathir di sini,"kata beliau.

Mengenai pertemuan dengan Dr Mahathir, Cheena berkata Perdana Menteri adalah seorang yang berterus-terang dan mereka membincangkan isu-isu yang menyentuh masyarakat Islam.

"Saya sungguh gembira untuk menemui beliau. Saya amat menghormati Dr Mahathir terutama perkara-perkara yang telah beliau sentuh mengenai Barat," kata Cheena.

Pada Ahad, Dr Mahathir akan menemui beberapa pemimpin Islam Amerika.

-- BERNAMA

MKO FAZ